

Mendaki Practice Paper 2022
GCE 'N' Level Malay Paper 2 (1197/2)

Duration: 1h 30min

Total Marks: 60

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan

Persidangan 'Harmony Works!' ialah satu acara tahunan yang dianjurkan untuk belia di Singapura. Persidangan ini memberi peluang kepada para belia berkongsi aspirasi dan pengalaman yang (1) kait dengan hubungan kaum di Singapura. Antara fokus persidangan tahun ini adalah untuk (2) tengah pentingnya Singapura melindungi ruang bersama rakyatnya dan memastikan semua orang mendapat manfaat daripada (3) makmurnya. Hal ini penting demi mengelakkan nasib seperti negara lain yang rakyatnya (4) pecah-belah dan lebih bahaya lagi, wujudnya (5) tidak percaya di antara satu sama lain. Maka penting bagi kita menjadi masyarakat yang meraikan semua individu untuk siapa mereka dan apa yang boleh mereka capai. Selain itu negara juga perlu memberikan semua orang peluang untuk melakukan yang lebih baik sepanjang hidup mereka.

Soalan A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan teks.

- A. ringan tulang berat perut
- B. burung terbang dipipiskan lada
- C. nasi tak dingin pinggan tak retak
- D. baik membawa resmi ayam betina
- E. genggam bara api biar sampai jadi arang
- F. ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- G. jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- H. hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- I. belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- J. harapkan (mendengar) guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Pak Kamal dan isterinya Cik Murni akan bersara dan mahu kedua-dua orang anak mereka mengambil alih kedai makan mereka. Walaupun mereka menyedari bahawa anak-anak mereka memiliki perwatakan yang berbeza, mereka tetap **(6)** memastikan pembahagian yang sama rata dan adil. Adli, anak mereka yang sulung, memegang prinsip bahawa individu yang **(7)** rajin dan tekun berusaha melakukan sesuatu pekerjaan akan murahlah rezekinya. Adli memang amat disenangi oleh pekerja-pekerja mereka. Roslan juga percaya bahawa **(8)** tidak akan hilang martabatnya jika dia merendahkan dirinya sekalipun. Pak Kamal sengaja memberikan anak-anaknya tugas yang sukar untuk menekankan **(9)** kepentingan orang yang cermat membuat pekerjaan walaupun banyak kerja, jarang yang rosak. Anak bongsunya, Azhar pula, mempunyai budaya kerja yang amat berbeza. Dia seorang yang tegas dan agak bengis dengan para pekerja mereka. Namun mereka tetap menghormatinya kerana mereka hormati cara kerjanya. Azhar mempunyai kepercayaan yang **(10)** membuat sesuatu pekerjaan yang sukar atau susah hendaklah bersabar sehingga mencapai kejayaan. Pak Kamal berharap agar rancangannya akan berjaya menjadikan anak-anaknya peniaga yang cemerlang.

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut.

acara	antara	membuka
menyajikan	peramah	pertemuan
sebelum	tersohor	

Kafe ala Korea kini popular terutama sekali dalam kalangan remaja. Kafe yang terdapat di merata Singapura ini **(11)** _____ konsep yang berbeza daripada kafe-kafe ala Barat yang ada **(12)** _____ ini. Kebanyakan kafe-kafe ini mengetengahkan konsep K-pop dan berkolaborasi dengan artis-artis **(13)** _____. Malah, kafe-kafe ini juga sering menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti meraikan hari lahir artis K-pop atau **(14)** _____ sosial untuk peminat tegar seseorang artis atau sesebuah kumpulan K-pop. Tambahan juga, ada di **(15)** _____ kafe-kafe ini merupakan cawangan yang beribu pejabat di Korea dan pernah dipaparkan di dalam drama-drama Korea. Justeru, ramailah peminat drama-drama Korea yang turut berpusu-pusu ke kafe-kafe tersebut. Namun, tidak kurang juga yang memilih ke kafe-kafe ini disebabkan keistimewaan makanan dan minuman yang dihidangkan.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.
Petikan 1

Masalah Remaja Yang Lazim



1. Terlalu menekankan harapan

Para remaja sering tertekan untuk mendapat pencapaian akademik yang tinggi. Kita sentiasa inginkan yang terbaik untuk anak remaja kita dan kita berfikir bahawa pencapaian tinggi dalam pelajaran adalah cara terbaik untuk masa depan yang cerah. Namun, bukan mudah untuk anak anda mendapat semua A, markah 90-100% atau nombor satu dalam kelas. Cara yang lebih realistik dalam menetapkan objektif ialah untuk menyasarkan markah yang lebih baik daripada sebelumnya. Juga, adalah lebih baik jika anak remaja fokus kepada subjek-subjek yang dia suka dan minat. Semua orang belajar dengan lebih baik apabila mereka berasa seronok!

2. Pengaruh Rakan Sebaya

Adalah penting untuk menyedari bahawa semasa zaman remaja, kawan-kawan memainkan peranan yang lebih penting daripada ibu bapa. Ia adalah satu petanda bahawa anak remaja sedang belajar untuk lebih berdikari dan menyesuaikan diri dengan orang di sekelilingnya. Oleh itu, jangan berkecil hati jika anak remaja anda tidak mahu meluangkan masa bersama anda seperti dahulu. Secara beransur-ansur, benarkan dia untuk berhubung dengan kawan-kawan melalui telefon, dalam talian, di dalam dan luar rumah, semuanya dalam batasan-batasan tertentu. Satu cadangan yang baik ialah untuk juga mengenali kawan-kawannya dan menjemput mereka meluangkan masa di rumah anda, agar anda boleh mengawasi mereka.

3. Menghabiskan Terlalu Banyak Masa Dalam Talian

Pada zaman digital sekarang, kita tidak dapat lari daripada membincangkan remaja menggunakan internet dan peranti pintar. Ia sudah menjadi sebahagian daripada diri mereka maka tiada gunanya anda menghalang mereka daripada mengguna alat-alat tersebut. Apa yang lebih penting adalah untuk menetapkan batas bagi tingkah laku tersebut dan mengajar mereka cara yang selamat ketika berada dalam talian. Garis panduan pediatrik menyarankan agar tidak meluangkan lebih daripada dua jam sehari dalam talian. Anak remaja anda juga tidak seharusnya membawa bersama peranti pintar semasa tidur kerana dia mungkin meluangkan terlalu banyak masa menggunakannya dan tidurnya akan terganggu. Dia tidak sepatutnya meletakkan maklumat diri dalam talian dan sentiasa berhati-hati dengan orang-orang yang ditemuinya dalam talian.

Kini anda sedar terdapat banyak tekanan untuk menjadi seorang remaja pada hari ini. Kemahiran mengendalikan stres yang baik adalah penting bagi anak remaja anda. Maka, galakkan anak anda untuk mencari minat dan hobi selain daripada belajar. Sukan, muzik dan kesukarelawanan merupakan aktiviti yang baik untuk mengisi masa lapang. Kita juga perlu sentiasa membuka hubungan komunikasi dengan anak-anak remaja kita. Soalan seperti 'Apa perasaan anda?' dan 'Anda fikir bagaimana?' akan merangsang anak remaja anda untuk meluaskan kosa kata emosi, serta kemahiran menyelesaikan masalahnya.

Dipetik dan disesuaikan daripada laman
<https://mypositiveparenting.org/ms/2016/11/14/mengatasi-masalah-remaja/>

(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 16** Artikel ini ditujukan kepada _____ .
- (A) masyarakat umum
 - (B) guru-guru dan pihak sekolah
 - (C) para remaja yang mempunyai masalah tekanan
 - (D) ibu bapa dan keluarga yang mempunyai remaja
- 17** Tekanan yang dihadapi tidak perlu menjadi keprihatinan sekiranya remaja _____.
- (A) kerap membuat aktiviti riadah
 - (B) mengisi masa lapang berama keluarga
 - (C) mengenalkan rakan-rakan kepada ibu dan bapa
 - (D) mempunyai kemahiran mengendalikan tekanan
- 18** Pakar paedatrik menasihatkan agar _____.
- (A) masa dalam talian dihadkan
 - (B) remaja tidak berkongsi maklumat peribadi
 - (C) meluangkan masa sekurang-kurangnya dua jam untuk berehat
 - (D) ibu bapa menghalang remaja daripada menggunakan peranti elektronik

PESTA WAU SINGAPURA KEMBALI LAGI



TARIKH: 3-4 September 2022

TEMPAT: Barrage Cove

Ayuh datang beramai-ramai ke pesta pertama semenjak 2019!!!

PERTANDINGAN MEREKA & MELAYANG WAU 2022

- Peserta perlu mendaftarkan diri sebelum tarikh penutup 31 Ogos 2022
- Penyertaan secara individu atau kumpulan diterima.
- Penyertaan berkumpulan tidak harus melebihi 5 peserta
- Borang pendaftaran terdapat di laman www.pestawau2022.com

Hadiah tempat Pertama: \$5000
Hadiah tempat Kedua : \$3000
Hadiah tempat Ketiga : \$1000

Piala dan wang tunai ditaja oleh
Butik Batik Kita.

AKTIVITI-AKTIVITI MENARIK:

- Bengkel yang dianjurkan pakar-pakar wau terkemuka dari Malaysia.
- Pertandingan membina wau dari bahan terpakai.
- Pameran koleksi wau dari seluruh dunia.
- Bazaar makanan dan kraftangan Melayu.

Mari sama-sama memperkenalkan dan menghidupkan kembali seni budaya Melayu kepada generasi muda dan membawa

SERTAI ACARA YANG BERJAYA
MENARIK 20 000 PENGUNJUNG
SETIAP TAHUN!



(lihat halaman sebelah)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

19 Para peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan melayang wau perlu _____ .

- (A) menubuhkan kumpulan seramai lima orang
- (B) mengisi borang pendaftaran di laman web Pesta Wau
- (C) menggunakan wau buatan sendiri daripada bahan terpakai
- (D) menghadiri bengkel melayang wau yang dijalankan oleh para pakar wau

20 Tujuan utama pesta wau ini diadakan adalah untuk _____ .

- (A) mempamerkan wau dari seluruh dunia
- (B) mencari bakat dalam kalangan golongan muda
- (C) mempromosikan dan melestarikan kesenian wau
- (D) mengajar peserta membina wau daripada bahan kitar semula

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

<p>Tidak seperti pelajar lain yang sebaya dengannya, Encik Muhammad Ezra terpaksa memikul tanggungjawab berat mencari nafkah sejak di bangku sekolah menengah lagi, di samping mengimbangi tuntutan sekolah. Beliau melakukan demikian bukan sekadar untuk mendapatkan wang saku buat dirinya sendiri, tetapi atas sifat ambil berat mahu turut membantu menyara datuk dan neneknya. Merekalah yang membesarkan beliau dan abangnya semenjak ibu dan bapa mereka berpisah tatkala mereka kecil lagi.</p>	5
<p>Jadual Encik Ezra sentiasa padat memandangkan beliau perlu membahagikan masa untuk belajar dan mencari rezeki, pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) ini mampu membuktikan bahawa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Pemuda berusia 19 tahun itu berada dalam senarai pengarah untuk kesemua semester dan menamatkan pengajian Nitec dalam bidang Mekatronik dan Robotik dengan Purata Nilai Gred (GPA) sempurna 4.0. Malah beliau dianugerahkan Pingat Emas Tay Eng Soon khas buat lulusan ITE cemerlang yang turut melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum.</p>	10 15
<p>“Saya memang terkejut dan bersyukur dengan pengiktirafan yang diberikan. Semasa peperiksaan, nenek saya meninggal dan saya hampir-hampir kemurungan. Namun saya sedar saya mesti mengekalkan pemikiran yang positif jika saya ingin menyokong keluarga saya,” ujar Encik Ezra.</p>	20
<p>Kini beliau melanjutkan pengajian dalam jurusan yang sama di peringkat Higher Nitec. Disebabkan keputusannya yang cemerlang dalam Nitec, beliau dapat melanjutkan pengajian terus ke tahun kedua Higher Nitec.</p>	25
<p>Bagi Encik Ezra, masa itu emas. Maka itu beliau membawa sekali beg penghantarannya ke sekolah agar dia dapat menyelit masa untuk bertugas jika ada masa terluang. Encik Ezra menanam azam untuk melanjutkan pengajiannya ke politeknik dan selanjutnya ke menara gading.</p>	30
<p>“Sudah lama saya tidak berjumpa dengan rakan-rakan lama. Sekurang-kurangnya saya masih sempat lepak dengan kawan-kawan sedarjah sewaktu rehat makan tengah hari di sekolah sahaja. Tetapi saya tidak kisah. Saya mahu menjadi versi terbaik diri saya. Saya mahu menjadi sumber motivasi untuk keluarga dan rakan-rakan saya dengan menjalani hidup sebagai contoh yang baik. Tidak ada ruang dalam hidup saya untuk berputus asa,” jelas beliau lagi.</p>	
<p>Dipetik dan disesuaikan daripada artikel ruangan Gerakkan Minda, GenG bertarikh 8 Ogos 2022</p>	

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang berikut. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri.

- 21** Mengapakah Encik Ezra terpaksa bekerja sambil belajar? (3 markah)
- 22** Nyatakan impian Encik Ezra. (3 markah)
- 23** Bagaimanakah Encik Ezra berjaya membuktikan bahawa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan? (5 markah)
- 24** Berikan dua bukti yang menunjukkan usaha Encik Ezra berbaloi. (5 markah)
- 25** Jelaskan dua cabaran yang terpaksa dihadapi Encik Ezra. (5 markah)
- 26** Berikan contoh-contoh yang menunjukkan bahawa Encik Ezra seorang yang bersifat positif. (5 markah)

Arahan : Terangkan maksud perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** menyara (baris 5) (2 markah)
- 28** ruang (baris 31) (2 markah)

SELESAI